

**KESAN ASAKAN KELUAR DAN KE DALAM: KES DI MALAYSIA  
THE CROWDING-OUT AND -IN EFFECT: FOR THE CASE OF MALAYSIA**

*FARIZAH BT AHMAD, NUR IMILDA BT HAJI MOHD NORDIN, MD ZYADI BIN MD TAHIR DAN  
SANEP BIN AHMAD*

*ABSTRAK*

Banyak isu yang berkaitan dengan perbelanjaan awam dikaitkan dengan pelaburan swasta yang mana kedua-duanya mempunyai implikasi penting kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Hubungan antara perbelanjaan awam dengan pelaburan swasta hingga kini masih menjadi debat apabila hubungan kedua-duanya bukan hanya bersifat negatif tetapi mungkin bersifat positif. Mengikut perspektif tradisional, peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan akan mewujudkan satu keadaan yang dinamakan kesan asakan keluar yang menyebabkan penurunan dalam pelaburan swasta. Ini berlaku apabila kerajaan meningkatkan perbelanjaan yang bersumber dari dana dalam negeri seperti cukai dan terbitan bon. Akibatnya, firma terpaksa mengurangkan jumlah pelaburan kerana kos melabur meningkat ekoran kenaikan dalam kadar bunga. Banyak kajian yang melihat hubungan kedua-duanya dengan menggunakan pemboleh ubah perbelanjaan kerajaan secara keseluruhan dan bukannya komposisi dalam perbelanjaan tersebut. Ini menyebabkan kesan asakan yang sebenarnya berlaku ke atas komposisi perbelanjaan kerajaan tidak dapat dipastikan. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji hubungan jangka panjang dan pengaruh jangka pendek pelaburan swasta di Malaysia dengan komposisi perbelanjaan kerajaan yang dikelaskan kepada empat komponen, iaitu perbelanjaan pertahanan, perbelanjaan ekonomi, perbelanjaan sosial dan perbelanjaan pentadbiran am. Metodologi yang digunakan untuk menguji secara empirik hubungan jangka panjang dan pengaruh jangka pendek adalah melalui kaedah ARDL (*Autoregressive Distributed Lag*) dan ujian sempadan. Daripada keputusan empirik yang dijalankan, kesemua komponen perbelanjaan kerajaan kecuali perbelanjaan ekonomi, mempunyai hubungan jangka panjang dengan pelaburan swasta. Perbelanjaan pertahanan dan perbelanjaan dalam pentadbiran am menyebabkan asakan keluar terhadap pelaburan swasta yang menjejaskan pendapatan negara, manakala perbelanjaan sosial menunjukkan terdapatnya asakan ke dalam pelaburan swasta yang mana ini akan membantu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Bagi jangka pendek, keputusan yang diperoleh menunjukkan asakan ke dalam bagi perbelanjaan pertahanan, ekonomi dan sosial sementara perbelanjaan pentadbiran am menunjukkan asakan ke luar perbelanjaan swasta. Oleh itu, dasar fiskal yang dibentuk bagi meningkatkan perbelanjaan kerajaan dalam tiga komposisi tersebut dijangka boleh meningkatkan pelaburan swasta dalam jangka pendek.

*Kata Kunci:* Kesan asakan keluar; kesan asakan ke dalam, perbelanjaan kerajaan; pelaburan swasta, ARDL

*ABSTRACT*

There are numerous issues associated with public expenditure relating to private investment, which may have important implications on economic growth. The debate on the relationship between public expenditure and private investment is still ongoing as the connection between these two variables may not only have negative but also positive effect. Based on conventional perspective, increases in government expenditure may lead to decreases in private investment, the so-called crowding-out effect. This would occur when government increases its expenditure through internal fund such as taxes and by issuing bonds. Therefore, firms may have to reduce their total investment as the cost of investing is getting higher due to increases in the interest rate. Most previous studies have investigated the link between these two variables by using aggregate government expenditure but not in form of composition of expenditure. This makes the real crowding effects that take place on the composition of government expenditure unidentified. The objective of this study is to analyze the long-run and short-run relationships between the private investment and the composition of government expenditure in Malaysia, which the government expenditure is

classified into four components, namely defense, economy, social and general administration. For the methodology, the ARDL (*Autoregressive Distributed Lag*) and bound test are used to empirically examine the long-run and short-run relationships. The empirical findings show the existence of long-run relationship of all the components of government expenditure with the private investment, except for economy expenditure. The impact of defense and general administration expenditures on private investment lead to crowding-out effect, which may jeopardize national income while social expenditure indicates crowding-in effect on private investment, facilitating to further stimulate economic growth. In addition, the short-run results point out the crowding-in effect for defense, economy and social expenditures whilst general administration signifies crowding-out effect on private investment. Hence, fiscal policy formulated to increase government expenditure, especially in these three components would lead to intensify the private investment in the short run.

*Keywords:* Crowding-out effect, crowding-in effect, private investment, ARDL

## PENGENALAN

Peranan dasar fiskal melalui perbelanjaan kerajaan telah menjadi subjek kajian oleh ramai penyelidik ekonomi sejak dahulu hingga kini. Secara khusus, kajian tersebut cuba menganalisis sama ada dasar fiskal memberikan faedah atau keburukan kepada pelbagai pemboleh ubah makroekonomi, termasuklah pelaburan swasta. Banyak pandangan dan hipotesis telah dilahirkan berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan. Contohnya ialah penyokong Keynesian yang menyebut bahawa perbelanjaan kerajaan boleh memacu pertumbuhan ekonomi jangka panjang, manakala Teori Wagner (1890) yang mengatakan bahawa peningkatan pendapatan negara boleh meningkatkan perbelanjaan kerajaan. Perbelanjaan kerajaan merupakan salah satu komponen perbelanjaan agregat, selain penggunaan, eksport bersih dan pelaburan swasta, yang memberi suntikan kepada pendapatan negara. Jika dilihat pada bukti empirik dalam beberapa kajian seperti Loizides dan Vamvoukas (2005), Safa (1999) dan Ram (1987), kegiatan ekonomi didapati dirangsang oleh perbelanjaan kerajaan. Namun terdapat juga kajian yang membuktikan sebaliknya, seperti kajian Furceri (2007) yang mengatakan bahawa negara yang tinggi dalam jumlah perbelanjaan kerajaannya, mempunyai pertumbuhan ekonomi yang rendah.

Di Malaysia, dalam Laporan Ekonomi 2007/2008, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007 dianggarkan sebanyak RM164,743 juta, iaitu meningkat sebanyak 14.8% berbanding tahun 2006. Perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 15%. Perbelanjaan pembangunan pula meningkat sebanyak 14.1%, iaitu daripada RM35,807 juta pada 2006 kepada RM40,870 juta pada tahun 2007. Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan ini menunjukkan Malaysia memfokuskan perbelanjaan kerajaan sebagai suatu komponen dalam usaha untuk mewujudkan keadaan ekonomi yang stabil dan mapan. Pelaburan swasta pula menjadi penentu yang penting dalam pertumbuhan ekonomi jangka panjang (Khan&Reinhart, 1990; Alesina et al., 2002; Martin&Artadi, 2003). Sektor swasta terus menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi yang disokong oleh pelaburan swasta yang kukuh dan kerancakan perbelanjaan pengguna. Di Malaysia contohnya, pelaburan swasta dilihat meningkat dari tahun 1980 sehingga 1997. Namun begitu, pada tahun 1997 berlaku krisis ekonomi di Asia dan menyebabkan kejatuhan dalam jumlah pelaburan swasta. Jumlah ini kembali stabil dan meningkat pada tahun 1999 sehingga kini. Pelaburan swasta dijangka meningkat 7.1% pada tahun 2007 berikutan persekitaran perniagaan yang lebih baik sejajar dengan peningkatan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia. Peningkatan ini menunjukkan kerajaan sentiasa memastikan peningkatan dalam perbelanjaan awam dapat bergerak seiring dengan pelaburan swasta yang mana kedua-duanya menjadi pelengkap antara satu sama lain.

Secara teori, peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan boleh dibiayai dengan tiga cara, iaitu cukai, pinjaman, termasuklah pinjaman dari luar, dan pencetakan wang. Setiap satu daripada cara tersebut memberi kesan berlainan terhadap pelaburan swasta. Cara yang paling jelas yang akan memberikan kesan negatif kepada pelaburan swasta adalah melalui cukai, iaitu pemindahan sumber kewangan secara wajib daripada sektor swasta kepada sektor kerajaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung (Spencer&Yohe, 1970). Cara kedua untuk membiayai perbelanjaan kerajaan adalah melalui pinjaman sama ada melalui sumber dalaman atau luaran. Bagi sumber dalaman, kerajaan akan mengeluarkan bon untuk mendapatkan wang, seterusnya menyebabkan kadar bunga naik dan mengurangkan pelaburan swasta. Manakala bagi sumber luaran, pinjaman akan dilakukan daripada pihak luar, iaitu pelaburan asing. Kedua-dua cara tersebut, iaitu cukai dan pinjaman, disokong oleh golongan monetaris yang berpendapat

pembiayaan perbelanjaan kerajaan melalui cukai atau pinjaman hanya akan menyebabkan asakan keluar kepada pelaburan swasta. Namun begitu, sumber dana yang didapati dari luar mungkin tidak memberikan kesan kepada pelaburan swasta dan mungkin juga memberikan kesan asakan kedalam seperti kajian Ouattara (2006).

Cara ketiga adalah melalui campuran dasar fiskal dan dasar kewangan, iaitu pencetakan wang. Kerajaan akan menjual bon kepada Bank Negara untuk meningkatkan penawaran wang. Cara ini tidak memberikan kesan asakan keluar kepada pelaburan swasta, namun boleh menimbulkan masalah inflasi. Peningkatan dalam penawaran wang akan meningkatkan perbelanjaan yang seterusnya merangsang pertumbuhan ekonomi. Secara ringkas, kaedah pembiayaan kerajaan boleh memberikan kesan positif, iaitu melalui pencetakan wang yang meningkatkan pelaburan swasta, atau kesan negatif, iaitu melalui cukai dan pinjaman dalaman yang memberi asakan keluar terhadap pelaburan swasta.

Sehubungan dengan kesan yang berbeza tersebut, terdapat ramai pengkaji ekonomi telah membuat penyelidikan tentang pengaruh perbelanjaan awam dan komponennya terhadap pelaburan swasta. Komposisi dalam perbelanjaan awam boleh berhubungan secara negatif atau positif dengan pelaburan swasta. (Mansor, 2007). Ada juga kajian yang menunjukkan kejatuhan dalam pelaburan swasta mungkin tidak ada kaitan dengan perbelanjaan awam (Barro, 1974). Kajian yang terkini banyak mengaitkan hubungan komposisi perbelanjaan kerajaan, pelaburan dan perdagangan asing (Gemmell et al, 2007). Banyak juga kajian yang menumpukan hanya kepada komposisi tertentu dalam perbelanjaan kerajaan dan kaitannya dengan pelaburan swasta seperti perbelanjaan perkhidmatan pendidikan (Blankenau & Simpson, 2004), perbelanjaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan (Gupta et al, 2002) dan perbelanjaan pertahanan (Dakurah et al, 2001).

Namun begitu, perbelanjaan awam juga boleh berhubungan secara positif dengan pelaburan swasta apabila perbelanjaan kerajaan seperti perbelanjaan pembangunan yang boleh menyediakan persekitaran untuk sektor swasta berdaya saing. Contohnya, melalui perbelanjaan pembangunan seperti pembinaan infrastruktur dan penyediaan modal insan, produktiviti pelaburan swasta yang mana boleh meningkat seterusnya memberikan kesan asakan kedalam. Banyak kajian telah dilakukan dengan menumpukan perbelanjaan pembangunan seperti pendidikan, pertahanan dan infrastruktur ke atas pertumbuhan ekonomi khususnya kepada pelaburan swasta. Terdapat juga kajian terkini yang bukan sahaja mengaitkan hubungan antara perbelanjaan kerajaan, tetapi juga keberkesanan perbelanjaan kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi yang turut memasukkan pemboleh ubah seperti rasuah (Gupta et al, 2002).

Mengikut perspektif tradisional, peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan akan mewujudkan satu keadaan yang dinamakan kesan asakan keluar yang menyebabkan penurunan dalam pelaburan swasta. Ini berlaku apabila kerajaan meningkatkan perbelanjaan, permintaan untuk wang akan meningkat. Ini seterusnya menyebabkan kenaikan pada kadar bunga. Akibatnya, firma terpaksa mengurangkan jumlah pelaburan kerana kos melabur meningkat ekoran kenaikan dalam kadar bunga.

Pertumbuhan ekonomi berterusan memerlukan pelaburan swasta sebagai pemangkin untuk mencapai keadaan ekonomi yang baik. Pelaburan swasta akan terus menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi dan dijangka akan terus meningkat dari tahun ke tahun selepas berlakunya krisis ekonomi. Oleh kerana itu, pelaburan swasta dilihat sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang boleh meletakkan ekonomi negara pada keadaan yang lebih baik.

Banyak isu yang berkaitan dengan perbelanjaan awam dikaitkan dengan pelaburan swasta yang mana kedua-duanya mempunyai implikasi penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Setiap dasar yang diperkenalkan kerajaan bagi menguruskan perbelanjaan negara akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh di negara membangun, apabila kerajaan mengenakan dasar yang bermatlamat untuk mengekang rasuah, ini menyebabkan perubahan dalam komposisi perbelanjaan menjadi lebih produktif seterusnya meningkatkan pelaburan swasta melalui pengaruh positifnya kepada produktiviti modal swasta.

Oleh itu, hubungan antara perbelanjaan awam dengan pelaburan swasta sehingga kini masih menjadi debat apabila hubungan kedua-duanya bukan hanya bersifat negatif tetapi mungkin bersifat positif. Maka kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti bentuk hubungan antara kedua-duanya bagi melaksanakan dasar makroekonomi yang bertepatan dengan keadaan ekonomi sebenar. Banyak kajian telah dilakukan oleh ahli ekonomi untuk menunjukkan hubungan kedua-duanya tetapi kajian tersebut lebih menekankan hubungan perbelanjaan kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi dan hanya mengaitkan sedikit dengan pelaburan swasta. Terdapat juga kajian yang menghubungkan kedua-duanya, tetapi data yang digunakan sama ada hanya mengambil kira sesebuah negara sahaja atau di negara maju. Untuk melihat hubungan perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta, komposisi perbelanjaan kerajaan haruslah

ditentukan. Banyak kajian yang melihat hubungan kedua-duanya dengan menggunakan pemboleh ubah perbelanjaan kerajaan secara keseluruhan dan bukannya komposisi dalam perbelanjaan tersebut. Ini menyebabkan kesan asakan yang sebenarnya berlaku ke atas komposisi perbelanjaan kerajaan tidak dapat dipastikan.

Keputusan kajian lepas membuktikan hubungan yang berbeza antara komponen perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta. Sesetengah kajian seperti Ahmad dan Miller (1999) mendapati perbelanjaan infrastruktur menyebabkan penurunan kepada pelaburan swasta, sama seperti keputusan yang didapati oleh Svensson et al (1999), manakala perbelanjaan dalam modal insan akan memberikan kesan positif kepada pelaburan swasta seperti yang didapati oleh Wang (2005). Selain itu, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa tidak wujud hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta seperti yang disimpulkan oleh Wheeler (1999). Jadual 1 memberi senarai ringkasan kajian lepas yang berkaitan hubungan perbelanjaan kerajaan serta komponennya dan pelaburan swasta.

Sehingga kini, masih belum terdapat kajian hubungan komposisi perbelanjaan negara secara berasingan ke atas pelaburan swasta terutama di Malaysia dengan komposisi perbelanjaan kerajaan yang dikelaskan kepada empat komponen, iaitu perbelanjaan pertahanan, ekonomi, sosial dan pentadbiran am. Kajian ini juga akan cuba mengenal pasti secara empirik hipotesis kesan asakan di Malaysia. Kajian ini akan menganalisis gelagat empirik pelaburan swasta dan beberapa isu yang akan cuba dijawab di sini adalah: Adakah wujud hubungan positif atau berlakunya kesan asakan ke dalam antara komposisi perbelanjaan kerajaan dan adakah perbelanjaan awam boleh merangsang pelaburan swasta?

## SENARIO DI MALAYSIA

Rajah 1 menunjukkan senario hubungan antara pelaburan swasta dengan empat komponen perbelanjaan kerajaan termasuklah pentadbiran am seperti yang terdapat dalam Laporan Ekonomi Malaysia dari tahun 1975 hingga tahun 2006. Daripada rajah tersebut dapat dilihat bahawa pada tahun 1996, iaitu setahun sebelum Asia dilanda krisis kewangan, pelaburan swasta mencatatkan peratus kepada KDNK yang paling tinggi, iaitu pada 34.2%, seiring dengan peningkatan dalam perbelanjaan ekonomi dan sosial berbanding tahun sebelumnya. Pelaburan swasta mula jatuh dan tidak stabil bermula pada tahun 1998, namun kembali menunjukkan peningkatan berterusan pada tahun 2003 sehingga kini.

Daripada Rajah 1 juga didapati pada awalnya pelaburan swasta bergerak seiring dengan keempat-empat komponen dalam perbelanjaan kerajaan. Namun pada tahun 1982, apabila kerajaan meningkatkan perbelanjaan dalam keempat-empat komponen tersebut, maka didapati jumlah pelaburan swasta mengalami penurunan.

Keadaan yang sama berlaku pada tahun 2003 apabila jumlah pelaburan swasta mencapai paras kejatuhan yang rendah apabila perbelanjaan kerajaan ditingkatkan sehingga salah satu daripada komponen tersebut, iaitu perbelanjaan sosial dilihat lebih tinggi daripada jumlah pelaburan swasta. Ini membuktikan berlakunya asakan keluar terhadap pelaburan swasta apabila perbelanjaan kerajaan ditingkatkan. Akibat tekanan krisis kewangan pada tahun 1997, jumlah dalam pelaburan swasta dilihat jatuh dengan mendadak kesan daripada kejatuhan mata wang Malaysia berbanding dollar Amerika.

Secara keseluruhannya, daripada Jadual 2, jumlah perbelanjaan kerajaan melebihi jumlah pelaburan swasta daripada tahun 1975 sehingga tahun 1990. Daripada tahun 1991 sehingga 1997, pelaburan swasta meningkat dengan pesat dan pada tempoh ini juga kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah meningkat dengan tinggi. Selepas krisis kewangan 1997, perbelanjaan kerajaan telah terus kekal tinggi berbanding dengan pelaburan swasta. Pelaburan swasta yang tidak dapat meningkat dengan lebih pesat seperti yang ditunjukkan pada tahun 1990an merupakan faktor utama pertumbuhan ekonomi Negara tidak dapat meningkat tinggi. Walaupun kerajaan mengharapkan sektor swasta untuk menjadi enjin pertumbuhan ekonomi semenjak pulih dari kesan krisis kewangan 1997, namun banyak faktor lain yang menghalang sektor swasta daripada menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Negara.

## METODOLOGI

Kertas ini mengkaji hubungan jangka panjang dan pengaruh jangka pendek antara komposisi perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta di Malaysia bagi tempoh 1975-2006. Hubungan tersebut akan dinilai melalui beberapa metodologi dan ujian, iaitu ujian punca unit, ujian penyebab Granger, model

*Autoregressive Distributed Lag* (ARDL), ujian kointegrasi *bound test*, ujian kestabilan dan ujian normaliti data.

Untuk menguji sesuatu model, ujian kepegunan dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan kepegunan data yang diuji itu. Ujian utama untuk melihat hubungan jangka panjang dan pengaruh jangka pendek adalah melalui kaedah *Autoregressive Distributed Lag* (ARDL) dan ujian sempadan.

Secara keseluruhannya, perbelanjaan pertahanan meliputi keselamatan awam, dan kebajikan dan keselamatan sosial. Perbelanjaan ekonomi pula merangkumi perbelanjaan hal ehwal ekonomi termasuklah pertanian, perhutanan, perikanan dan pemburuan; tenaga dan minyak; perlombongan, pembuatan dan pembinaan; pengangkutan; komunikasi; dan lain-lain perbelanjaan. Perbelanjaan sosial pula meliputi kemudahan komuniti dan perumahan; perkhidmatan am; kesihatan, pendidikan; dan aktiviti keagamaan, kebudayaan dan rekreasi.

## DAPATAN KAJIAN

Analisis empirik kajian ini menggunakan pelaburan swasta (PINV) sebagai pemboleh ubah bersandar, manakala pemboleh ubah bebas adalah KDNK (GDP), hasil kerajaan (GR) dan empat komponen dalam perbelanjaan kerajaan, iaitu perbelanjaan pertahanan (DEF), perbelanjaan ekonomi (ECON), perbelanjaan sosial (SOC) dan perbelanjaan pentadbiran am (GEN).

### *ARDL dan Ujian Sempadan*

Jadual 3 menunjukkan keputusan yang diperoleh daripada ujian ARDL dan didapati wujud hubungan jangka panjang antara komponen perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta pada aras 5 peratus dan 10 peratus. Daripada keputusan tersebut, keanjalan jangka panjang akan dikira. Jadual tersebut menunjukkan nilai keanjalan bagi setiap pemboleh ubah dalam model. Dapat dilihat daripada jadual tersebut, kesemua komponen perbelanjaan kerajaan, kecuali perbelanjaan ekonomi (ECON), mempunyai hubungan jangka panjang dengan pelaburan swasta.

Selari dengan teori, perbelanjaan pertahanan (DEF) didapati menyebabkan asakan keluar pelaburan swasta dengan setiap peningkatan 1 peratus dalam komponen tersebut akan menyebabkan pelaburan swasta jatuh sebanyak 17.13 peratus. Di samping itu, perbelanjaan kerajaan dalam pentadbiran am (GEN) juga menyebabkan asakan keluar pelaburan swasta dengan penurunan sebanyak 39.67 peratus. Manakala bagi perbelanjaan sosial (SOC) pula, keputusan menunjukkan terdapatnya asakan ke dalam pelaburan swasta yang mana apabila perbelanjaan sosial meningkat 1 peratus, pelaburan swasta akan turut mengalami peningkatan sebanyak 21.44 peratus. Dapat dilihat daripada keputusan tersebut, nilai peratusan tersebut menunjukkan nilai yang anjal. Ini bermakna, bagi komponen yang menyebabkan asakan keluar pelaburan swasta, iaitu DEF dan GEN, setiap kenaikan dalam komponen tersebut akan menyebabkan pelaburan swasta jatuh seterusnya menjejaskan pendapatan negara. Keadaan sebaliknya bagi komponen yang menyebabkan asakan ke dalam yang mana ini akan membantu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi pengaruh jangka pendek, Jadual 4 menunjukkan keputusan empirik antara pemboleh ubah yang dimasukkan. Hasil keputusan yang positif bagi koefisien perbelanjaan kerajaan bagi pertahanan, perbelanjaan ekonomi dan perbelanjaan sosial menandakan pemboleh ubah-pemboleh ubah ini memberi kesan asakan ke dalam terhadap pelaburan swasta pada aras 5 peratus. Sebaliknya, koefisien yang negatif bagi perbelanjaan pentadbiran menandakan kesan asakan keluar bagi perbelanjaan pentadbiran am terhadap pelaburan swasta. Bagi perbelanjaan ekonomi dan perbelanjaan sosial, keputusan keanjalan yang lebih daripada 1 mencerminkan bahawa pelaburan swasta akan dapat meningkat masing-masing sebanyak 1.98 peratus dan 1.61 peratus dengan setiap peningkatan 1 peratus dalam komponen tersebut.

## RUMUSAN DAN PENUTUP

Di Malaysia, pada awalnya pelaburan swasta dilihat bergerak seiring dengan keempat-empat komponen dalam perbelanjaan kerajaan namun bermula tahun 1982, asakan keluar berlaku kepada pelaburan swasta apabila kerajaan meningkatkan jumlah perbelanjaannya. Namun begitu, perbelanjaan kerajaan pada tahun-tahun berikutnya telah memberi suntikan dan prasarana yang kondusif kepada sektor swasta untuk terus

bergerak meningkatkan pelaburan aktiviti sehingga pada tahun 1991, sektor swasta telah dapat menambah pelaburan dengan pesat sehingga melebihi jumlah keseluruhan perbelanjaan sektor awam. Ini merupakan satu faktor yang menggalakkan asakan kedalam dan kesan positif ini telah menyebabkan ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang menggalakkan pada paras putara 8-9 peratus setahun pada tempoh 1991-1997.

Daripada analisis yang telah dijalankan dan berdasarkan nilai keanjalan jangka panjang dan jangka pendek, terdapat beberapa implikasi dasar dapat dibentuk. Secara keseluruhan, implikasi penting bagi analisis di Malaysia menunjukkan bagi jangka panjang, kerajaan seharusnya mengurangkan perbelanjaan dalam komponen pertahanan dan pentadbiran am kerana nilai yang anjal daripada penganggaran membuktikan peningkatan dalam komponen tersebut akan mengurangkan pelaburan swasta seterusnya menjejaskan pendapatan negara. Dapat dilihat pada analisis sebelum ini, perbelanjaan pentadbiran am menyebabkan penurunan yang ketara. Oleh itu, kerajaan Malaysia seharusnya memperbaiki mutu pentadbiran, contohnya seperti mengurangkan birokrasi dan faktor bukan ekonomi lain untuk menarik lebih ramai pelabur swasta. Pengurangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan pertahanan juga harus dilaksanakan di Malaysia kerana bukti empirik menunjukkan peningkatan dalam komponen ini akan menyebabkan pengurangan dalam pelaburan swasta.

Ini selari dengan keputusan yang diperolehi di Thailand<sup>1</sup> yang mana kerajaannya juga harus mengurangkan perbelanjaan dalam pertahanan kerana nilai yang anjal bagi hubungan jangka panjang antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut menyebabkan kenaikan dalam komponen perbelanjaan di Thailand akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, di Singapura, nilai keanjalan yang kurang dari 1 menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan pertahanan tidak akan memberi kesan terhadap pendapatan negara. Manakala di Jepun pula, keputusan bertentangan diperolehi, iaitu perbelanjaan pertahanan menyebabkan kesan asakan ke dalam pelaburan swasta. Oleh itu, kerajaan Jepun seharusnya meningkatkan perbelanjaan pertahanan kerana bukti empirik menunjukkan komponen ini memberikan kesan positif yang mampu menarik lebih ramai pelabur seterusnya memacu ekonomi di Jepun.

Bagi jangka pendek pula, kesemua komponen perbelanjaan kerajaan di Malaysia kecuali pentadbiran am mampu merangsang pelaburan swasta. Oleh itu, dasar fiskal yang baru boleh dibentuk daripada keputusan tersebut yang mana kerajaan boleh meningkatkan perbelanjaan dalam pertahanan, ekonomi dan sosial untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam jangka pendek. Jelas bahawa perbelanjaan kerajaan adalah penting pada jangka pendek untuk menyediakan infrastruktur dan prasarana yang kondusif bagi sektor swasta untuk melaksanakan aktiviti dan meningkatkan pelaburan. Sebagai sebuah Negara sedang membangun, elemen barangan awam (*public goods*) perlu disediakan oleh pihak kerajaan kerana pelaburan yang berisiko amat tinggi yang tidak mendatangkan pulangan dengan cepat serta penyediaan infrastruktur yang sememangnya akan diguna oleh orang awam secara keseluruhannya tidak akan disokong oleh sektor swasta. Secara keseluruhan, implikasi penting bagi analisis di Malaysia menunjukkan bagi jangka panjang, kerajaan seharusnya mengurangkan perbelanjaan dalam komponen pertahanan dan pentadbiran am kerana ini akan mengurangkan pelaburan swasta seterusnya menjejaskan pendapatan negara.

## RUJUKAN

- Ahmed, H. & Miller M.S. 1999. Crowding-Out and Crowding-In Effects of the Components of Government Expenditure. *Department of Economics Working Paper Series*.
- Alesina, A., Ardagna S., Perotti R. & Schiantarelli F. 2002. Fiscal policy, profits dan investment. *The American Economic Review*. 571-589.
- Bahmani-Oskooee M. 1999. Do Federal Budget Deficits Crowd Out or Crowd In Private Investment? *Journal of Policy Modelling*. 633-640.
- Everhart, S. & Sumlinski M. 2001. Trends in private investment in developing countries. Statistics for 1970-2000 and the impact on private investment of corruption and the quality of public investment. *International Finance Corporation Discussion Paper Number 44*.
- Feng, Y. 2001. Political freedom, political instability dan policy uncertainty: A study of political institutions and private investment in developing countries. *International Studies Quarterly*. 271-294.
- Furceri, D. 2007. Is government expenditure volatility harmful for growth? A cross-country analysis. *Fiscal Studies*. 103-120.
- Gujarati, N. Damodar. 2003. *Basic econometrics*. Ed. ke-4. Mc Graw Hill.


- Khan M. & Reinhart C. 1990. Private investment and economic growth in developing countries. *World Development*. 19-27.
- Laporan Ekonomi Malaysia. 1975-2006. Kementerian Kewangan Malaysia.
- Loizides, J. & Vamvoukas G. 2005. Government expenditure and economic growth: Evidence from trivariate causality testing. *Journal of Applied Economics*. 125-152.
- Mansor H. Ibrahim. 2000. Public and private capital formation and economic growth in Malaysia, 1961-1995. *Journal of Economics and Management*. 21-40.
- Mansor H. Ibrahim. 2007. Components of public expenditures and private investment in Malaysia. *Kertas Kerja Prosiding Persidangan Ekonomi Malaysia 2007*.
- Martin, X.S. & Artadi E.V. 2003. Economic growth and investment in Arab World. *UPF Economics and Business Working Paper No. 683*. 22-33.
- Nur Imilda Mohd Nordin, 2008. Kesan Asakan keluar antara pelaburan swasta dengan komponen perbelanjaan kerajaan: Kajian empiric di enam Negara terpilih di Asia, *Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 2008*.
- Ouattara, B. 2006. Foreign aid and government fiscal behavior in developing countries: Panel data evidence. *Economic Modelling*. 506-514.
- Shahbaz, M., Nadeem A. & Liaquat A. 2008. Stock Market Development and Economic Growth: An ARDL Causality in Pakistan. *International Research Journal of Finance and Economics*. 183-195.
- Spencer, R. & Yohe W. 1970. The "crowding-out" of private expenditures by fiscal policy actions. 12-24.
- Wheeler, M. The Macroeconomic Impacts of Government Debt: An Empirical Analysis of the 1980s and 1990s.

JADUAL 1 : Ringkasan kajian lepas yang berkaitan hubungan perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta

Pengkaji	Negara Kajian	Penemuan Penting
Kormendi (1983)	Amerika Syarikat	- Perbelanjaan pertahanan tidak memberi kesan terhadap pelaburan swasta .
Everhart dan Sumlinski (2001)	Negara membangun	- Hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta di kebanyakan negara di Asia Timur adalah secara positif - Hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan pelaburan swasta di kebanyakan negara di Latin Amerika dan Caribbean adalah secara negatif - Perbelanjaan kerajaan di kebanyakan negara membangun menyebabkan asakan keluar pelaburan swasta.
Ahmad dan Miller (1999)	Negara maju dan membangun	- Perbelanjaan ke atas kebajikan dan sosial menyebabkan penurunan pada pelaburan swasta di negara maju dan membangun - perbelanjaan ke atas pengangkutan dan komunikasi memberi kesan asakan kedalam di negara membangun
Wang (2005)	Kanada	- Perbelanjaan ke atas pendidikan dan kesihatan menyebabkan asakan kedalam - perbelanjaan infrastruktur menyebabkan asakan keluar
Blankenau dan Simpson (2002)	Negara maju dan membangun	- Perbelanjaan dalam pendidikan tidak semestinya memberi kesan asakan kedalam kepada pelaburan swasta
Bahmani dan Oskooee (1999)	Amerika Syarikat	- Untuk jangka panjang, perbelanjaan kerajaan menyebabkan asakan kedalam pelaburan swasta
Atukeren (2005)	Negara membangun	- menyokong hipotesis asakan kedalam tetapi kesan tersebut berkurangan bila pendapatan per kapita meningkat

Svensson et al (1999)	Uganda	-Perbelanjaan kerajaan dalam infrastruktur menjadi penganan kepada pelaburan swasta
Gemmell et al (2006)	Negara OECD	- pengaruh globalisasi akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan tidak produktif
Khan dan Reinhart (1990)	Negara membangun	- pelaburan swasta mempengaruhi pertumbuhan ekonomi berbanding pelaburan awam - menyokong hipotesis asakan keluar
Caminada dan Goudswaard (2005)	Negara OECD	-perbelanjaan sosial awam dan swasta adalah penganan dan berhubung secara positif.
Tan (2003)	Malaysia	-menyokong Teori Wagner dan hipotesis Keynesian. -perbelanjaan kerajaan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Malaysia.
Emad (2006)	Jepun	-perbelanjaan kerajaan yang dibiayai oleh pengeluaran bon akan menyebabkan kesan asakan kedalam pelaburan swasta.
Wheeler (1999)	Amerika Syarikat	-kesan daripada peningkatan hutang kerajaan yang disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan, tidak akan memberi kesan kepada kekayaan negara iaitu tidak memberikan kesan kepada pelaburan swasta.

RAJAH 1 : Komponen dalam perbelanjaan kerajaan, iaitu perbelanjaan bagi pertahanan (def), perbelanjaan ekonomi (econ), perbelanjaan sosial (soc) dan perbelanjaan pentadbiran am (gen); dan pelaburan swasta (pinv) di Malaysia Tahun 1975-2006.



Nota: Perbelanjaan pertahanan, ekonomi, sosial dan pentadbiran am merangkumi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan.

Sumber: Laporan Ekonomi Malaysia (Kementerian Kewangan Malaysia).



JADUAL 2 : MALAYSIA - Jumlah perbelanjaan kerajaan dan jumlah pelaburan swasta (USD juta)

	1975	1985	1995	2000	2006
Perbelanjaan kerajaan	4018.84	5866.63	8566.67	7853.8	10,983.84
Pelaburan swasta	2275.47	3911.81	15503.93	5146.74	5937.48

JADUAL 3 : Keanjalan hubungan jangka panjang antara pelaburan swasta dengan komponen perbelanjaan kerajaan, KDNK dan hasil kerajaan

Negara	Pemboleh ubah bersandar: PINV		
	Pemboleh ubah	Koefisien	Nilai-p
Malaysia	GDP	67.2727	0.0097*
	DEF	-17.1286	0.0260**
	ECON	1.8312	0.5149
	SOC	21.4432	0.0104**
	GEN	-39.6650	0.0047*
	GR	-47.3020	0.0038*

Nota: Tanda(\*), (\*\*) dan (\*\*\*) masing-masing menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%.

<sup>1</sup> Nur Imilda (2008)

JADUAL 4 : Keanjalan pengaruh jangka pendek antara pelaburan swasta dengan komponen perbelanjaan kerajaan, KDNK dan hasil kerajaan

Negara	Pemboleh ubah bersandar: PINV		
	Pemboleh ubah	Koefisien	Nilai-p
Malaysia (RM)	GDP	0.7314	0.0000*
	DEF	0.5206	0.0476**
	ECON	1.9831	0.0370**
	SOC	1.6067	0.0340**
	GEN	-0.6278	0.0173**
	GR	-0.3974	0.2706

Nota: Tanda(\*), (\*\*) dan (\*\*\*) masing-masing menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%.

<sup>1</sup> Nur Imilda (2008)